

Berita Kuala Lumpur City News BANDARAYA

Layari Berita Bandaraya di www.dbkl.gov.my
Bil.5 Mei 2007/Rabiulakhir-Jamadilawal 1428H

ISSN 1675-1876 Naskhah Percuma

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PERBINCANGAN BERSAMA



Polis Kuala Lumpur dan DBKL berbincang bersama-sama untuk kesejahteraan warga kota
- Gambar Berita Bandaraya

Pembangunan Kuala Lumpur yang begitu pesat serta kemodenan daripada segi teknologi dan infrastruktur telah melahirkan pelbagai jenis fenomena baru yang tidak pernah terdengar satu masa dahulu. Pelbagai masalah-masalah baru kini timbul serta memerlukan perhatian dan tindakan segera.

Sebagai pihak berkuasa tempatan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah merancang serta melaksanakan pelbagai usaha bagi mengatasi masalah ini. Namun begitu, disebabkan bidang kuasa yang terhad maka tindakan undang-undang tidak dapat diambil ke atas kesalahan yang bukan berada di bawah bidang kuasa DBKL.

Sehubungan dengan itu, agensi-agensi lain turut

diperlukan dalam menangani masalah-masalah ini. Baru-baru ini satu perbincangan bersama telah diadakan di antara DBKL dan pihak polis Kuala Lumpur. Selain berbincang mengenai cara menangani masalah, perbincangan ini juga bertujuan untuk berkongsi idea dan pandangan mengenai bagaimana untuk memantapkan lagi penguatkuasaan bagi memastikan imej Kuala

Lumpur terjaga dan tidak dinodai dengan perkara-perkara yang boleh memberi gambaran negatif kepada negara luar.

Antara perkara yang dibincangkan adalah bagaimana cara menguruskan lalulintas secara efektif, cara menangani masalah-masalah sosial, kes-kes jenayah dan aktiviti-aktiviti haram. Ini termasuklah membincangkan mengenai kes-kes gangsterism yang sering kali berlaku di kawasan tempat letak kereta.

Melalui perbincangan seperti ini kemakmuran serta kesejahteraan Kuala Lumpur dapat dipertingkatkan lagi sejajar dengan kepesatan pembangunan negara.

DARI MEJA DATUK BANDAR



Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dari masa ke semasa berusaha untuk mempertingkatkan sistem perkhidmatan di mana pelbagai kemudahan telah diwujudkan bagi menjamin keselesaan warga kota. Dalam pada DBKL

meningkat perkhidmatan kepada semua warga kota penekanan turut diberikan terhadap peningkatan perkhidmatan kepada golongan-golongan Orang Kurang Upaya bagi memenuhi kehendak dan keperluan mereka.

Ini adalah selari dengan hasrat kerajaan yang telah menetapkan pada tahun 2012 Malaysia akan mencapai sasaran 75% 'barrier-free' atau bebas halangan untuk persekitaran di dalam dan luar bangunan. Usaha-usaha yang diambil oleh DBKL juga adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan ke 55 di mana Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu memberi perhatian dan menyediakan kemudahan asas untuk golongan Orang Kurang Upaya seperti 'hand railing', 'ramp' laluan pejalan kaki dan sebagainya.

Sungguhpun kini banyak kemudahan-kemudahan asas yang telah disediakan untuk kemudahan golongan Orang Kurang Upaya di tempat letak kereta, kompleks membeli belah, lif, lapangan terbang, tandas awam dan bangunan-bangunan kerajaan serta swasta namun kemudahan-kemudahan ini adalah tidak mencukupi. Penambahbaikan harus dilaksanakan agar kemudahan-kemudahan ini sentiasa berada di tahap yang terbaik sesuai dengan kehendak semasa golongan ini.

Untuk melakukan penambahbaikan di dalam sistem

penyampaian perkhidmatan kepada golongan ini, perbandingan pelaksanaan boleh dilakukan dengan bandar-bandar di negara lain di mana mereka telah melaksanakan kemudahan-kemudahan samada di dalam atau di luar bangunan untuk golongan Orang Kurang Upaya jauh lebih baik. Antaranya Jepun, Hong Kong, Vancouver, Vienna dan Norway yang telah melaksanakan kemudahan-kemudahan orang kurang upaya di tandas awam, lif, bangunan, siar kaki, pengangkutan awam, pondok telefon, pondok perhentian bas dan restoran. Kereta-kereta persendirian juga banyak direka khas untuk orang kurang upaya.

Selain melaksanakan penambahbaikan terhadap kemudahan-kemudahan ini, DBKL turut memastikan keperluan golongan ini terjaga dengan menguatkuasakan undang-undang bangunan yang baru di mana kemudahan-kemudahan orang kurang upaya harus disediakan manakala untuk bangunan sedia ada, mereka akan diminta untuk menyediakan kemudahan tersebut mengikut kehendak yang minima.

Namun begitu, usaha DBKL sahaja tidak mencukupi dalam merealisasikan hasrat kerajaan mencapai sasaran 75% 'barrier free' atau bebas halangan pada tahun 2012. Kesedaran di kalangan pemilik bangunan juga harus diwujudkan supaya mereka prihatin dan memahami kehendak Orang Kurang Upaya. Secara tidak langsung ini akan meningkatkan inisiatif untuk mempertingkatkan kemudahan orang kurang upaya secara sukarela. Dengan kerjasama dan usaha yang berterusan daripada semua pihak sasaran kerajaan ini akan dapat dicapai.

Pandangan

Berita Bandaraya akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai amnya. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah dialamatkan kepada: **Sidang Redaksi Berita Bandaraya, Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa, Tingkat 5 Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur. e-mel: akhbar@dbkl.gov.my Tel: 03-2617 9803 Faks: 03-2694 1373.** Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat-menyurat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

Sidang Redaksi

Penasihat: Y. Bhg. Dato' Ab. Hakim Bin Borhan
Ketua Editor: Y. Bhg. Datuk Hj Salleh Bin Yusup
Editor: Mohd Sidek Bin Khalid
Sub-Editor: Nur Diana Bt Md Ghazali
Jurufoto: Abd. Rhani Bin Md. Shohor
Md Ismail Bin Isnin

MESRA BERSAMA RAKYAT

Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melaksanakan satu Program Mesra Rakyat baru-baru ini di mana sesi dialog telah diadakan di antara Ketua-ketua Jabatan/Agensi/Persatuan dengan warga kota.

Antara jabatan/agensi dan persatuan yang terlibat di dalam program ini adalah DBKL, Jabatan Tanah dan Galian WP, Polis Kuala Lumpur, Jabatan Agama Islam WP (JAWI), Jabatan Alam Sekitar WP, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan WP, Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS), Alam Flora Sdn Bhd dan Indah Water Konsortium.

Selain itu, beberapa jabatan/agensi lain juga turut dijemput seperti Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Pengangkutan Jalan WP, Jabatan Pelajaran WP, Jabatan Kerja Raya WP, Jabatan Imegresen WPKL, Jabatan Kebajikan Masyarakat WP, Jabatan Pendaftaran Negara WP, Jabatan Ukur dan Pemetaan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung Malaysia (Wilayah Tengah), Jabatan Tenaga Kerja, Tenaga Nasional Berhad, PERKESO Negeri WP dan Telekom Malaysia Berhad.

Sesi dialog ini turut mengundang wakil syarikat Pengusaha Bas dan Persatuan Pemandu Taksi WPKL, Bangsar Business Council, Persatuan Hal Ehwal Pengguna, Bank-bank WPKL, Persatuan Pemilik & Pengendali Hotel, Persatuan Pengendali Restoran dan beberapa persatuan yang lain lagi selain menjemput wakil-wakil persatuan penduduk yang berdaftar dengan DBKL.

Di dalam sesi dialog yang diadakan ini pelbagai rungutan dan pertanyaan telah diajukan kepada para panel di mana maklumbalas mengenai rungutan atau pertanyaan tersebut telah diberikan secara terus dan langsung kepada para pengadu. Semua rungutan dan pertanyaan yang disuarakan semasa sesi dialong turut dicatat dan direkodkan agar jabatan/agensi yang berkaitan dapat mengkaji dan mengambil tindakan susulan yang bersesuaian.

Memandangkan sesi dialog yang dijalankan agak memakan masa, borang-borang aduan juga turut



Antara agensi-agensi yang mengambil bahagian dalam program ini bagi membantu mengatasi masalah yang dihadapi oleh warga kota - *Gambar Berita Bandaraya*

disediakan di mana borang-borang ini diedarkan kepada para jemputan semasa program itu berlangsung bagi memastikan semua para jemputan berpeluang mengemukakan rungutan/pandangan/pertanyaan mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka.

Program yang berlangsung di Stadium Titiwangsa Kuala Lumpur ini juga turut memberi peluang kepada jabatan/agensi mengadakan pameran di sekitar kawasan berkenaan agar maklumat-maklumat dapat disampaikan dengan tepat kepada orang ramai. Diharapkan dengan usaha-usaha dijalankan ini, warga kota dapat menyalurkan maklumat dan pandangan selain memperolehi maklumat mengenai sesuatu jabatan/agensi dengan lebih mudah.

Talian Kecemasan:

Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa - Aduan Awam
(8 pagi sehingga 5 petang) – 03-2617 9925
Tol Bebas Telekaunseling (24 jam)
– 1800 882 600
Direktorat Penguatkuasaan (24 jam)
– 03-4022 0033 / 4024 4424
Skwad Penyelamat (24 jam) – 03-4023 1033 / 4023 1133
Unit Kecemasan (24 jam) – 03-9284 3636 / 3434 / 3433

Rakan Cop

Negeri	Hotline
Kuala Lumpur	03-2115 9999
Selangor	03-2052 9999
Perlis	04-971 1999
Kedah	04-739 2999
Pulau Pinang	04-269 1999
Perak	05-240 1999
Melaka	06-285 1999
Johor	07-221 2999
Terengganu	09-635 4999
Kelantan	09-745 0999
Pahang	09-515 1999
Sabah	088-318 555
Sarawak	082-240 800